



PEJABAT MAJLIS DAERAH MERSING
NO.1, JALAN TUN DR ISMAIL
86800 MERSING, JOHOR.

CARA-CARA MEMOHON :

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang asal MDMG yang boleh di cetak daripada portal rasmi MDMG <http://www.mdmersing.gov.my>
2. Borang Permohonan Jawatan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada:

YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH MERSING,
NO. 1 JALAN TUN DR ISMAIL ,
86800 MERSING, JOHOR .
(JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

3. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di kiri sebelah atas sampul surat semasa memohon. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen-dokumen seperti berikut :-
 - Kad pengenalan diri;
 - Sijil kelahiran;
 - Sijil-Sijil Persekolahan ;
 - Kelulusan akademik (Sijil/Diploma/Ijazah)* mana yang berkaitan dengan jawatan yang dimohon;
 - Transkrip keputusan akhir peperiksaan (jika diploma/ijazah sebenar masih belum diterima) ;
 - Satu (1) keping gambar terbaru berukuran 'passport' ;
 - Dokumen-dokumen sokongan yang lain (jika ada).

PERINGATAN:

SEMUA SALINAN DOKUMEN DI ATAS HENDAKLAH DISAHKAN OLEH PEGAWAI KERAJAAN DARI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL ATAU PENGHULU MUKIM BERKENAAN.

4. PERHATIAN KEPADA PEMOHON:

- 4.1. Permohonan daripada **pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat** dengan Kerajaan/Pihak Berkuasa Tempatan/Badan- Badan Berkanun hendaklah dibuat **melalui KETUA JABATAN** masing- masing dengan menyertakan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang telah dikemaskini dan Laporan Nilain Prestasi Tahunan terkini sepertimana mengikut Peraturan 17 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Perlantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.
- 4.2. Bagi kelayakan Sijil/Diploma/Ijazah perlu dilampirkan pengiktirafan kelayakan di jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui Laman Web Interaktif :- <https://app.mohe.gov.my/iktiraf> dan lampirkan bersama borang permohonan.

- 4.3. Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan kemas dengan butiran dan maklumat yang diperlukan.
- 4.4. Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak mengikut syarat seperti dalam iklan akan **DITOLAK** serta merta.
- 4.5. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja dipanggil untuk temuduga.
- 4.6. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam(6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**.
- 4.7. Perbelanjaan untuk menghadiri temuduga ditanggung sendiri oleh pemohon.
5. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN : Sebelum atau pada 26 November 2017.**

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

T.T

(JAMIL HASNI BIN ABDULLAH)
Yang Dipertua
Majlis Daerah Mersing.



MAJLIS DAERAH MERSING,
NO. 1, JALAN TUN DR. ISMAIL, 86800 MERSING.

(PERMBERITAHUAN JAWATAN KOSONG)

1. SKIM PERKHIDMATAN : PENGAWAL KESELAMATAN
(Bilangan Kekosongan :1)
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
- TARAF JAWATAN : TETAP
- GRED : KP11

2. JADUAL GAJI : PENGAWAL KESELAMATAN, KP11

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI SETAHUN
RM1,205.00	RM2,939.00	RM80.00

3. SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf denganya oleh kerajaan;

(Gaji Permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00) atau

- (d) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf denganya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

(Gaji Permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00) dan

- (e) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
- tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) diantara julat 19 hingga 26;
 - mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa tarik nafas (lelaki sahaja);
 - lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata; dan
 - pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.
- (f) Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 3 (c) hendaklah memiliki Kepujian sekurang-kurangnya (Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. TEMPOH PERCUBAAN

- (a) Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

5. LATIHAN

- (a) Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan Perkhidmatan yang berkenaan.

6. PROGRAM TRANSFORMASI MINDA

- (a) Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

7. PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

- (a) Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :
- Memenuhi tempoh percubaan;
 - Hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan
 - Diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

8. PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

- (a) Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.